

# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

## KENYATAAN TAWARAN

Tawaran tender terbuka adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** dalam **kod bidang berkaitan** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:-

**T1/25/A5/JPPF/23** : **MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KERETA PENUMPANG (KERETA SALOOM) UNTUK UNIVERSITI SAINS MALAYSIA.**

**Kelayakan** : i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan – Kod Bidang **110103**.  
ii) Mempunyai Sijil Akta Pendaftaran Syarikat 1956 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).  
iii) Pembida hendaklah terdiri daripada pembekal yang sah sebagai *sole agent/exclusive distributor* yang dilantik oleh syarikat prinsipal.

**Tarikh Tutup Tender** : **25 Februari 2025 (Selasa), Jam 12.00 Tengah Hari.**

**Tarikh Dokumen Dijual** : **4 Februari 2025 hingga 17 Februari 2025.**

**Harga Dokumen** : **RM100.00 (Senaskah)** dalam bentuk *softcopy* boleh dibayar melalui akses kepada laman web e-payment (<https://epayment.usm.my/>) dengan klik kepada **perkhidmatan jualan borang tender**.

**Syarat Permohonan Dokumen Softcopy** : Dokumen Tender (*softcopy*) boleh didapati melalui permohonan di (<https://usmprism.usm.my/sedt/?td=T1/25/A5/JPPF/23>) dengan wajib melengkapkan maklumat syarikat dan mengemukakan secara atas talian dokumen seperti berikut:  
i) Resit / Bukti Pembayaran melalui sistem e-payment yang telah dibuat. **(Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan).**  
ii) Sijil Pendaftaran Kod Bidang **Kementerian Kewangan**.

**Syarat Penghantaran Dokumen** : i) Penghantaran Dokumen Tawaran Tender dalam bentuk **hardcopy & softcopy (pendrive)** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama Tender dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di **Seksyen Perolehan, Jabatan Bendahari, Bangunan C04, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang.**  
ii) Petender dibenarkan untuk menghantar dokumen tawaran tender melalui pos berdaftar/kurier. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti tender pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas empat (4) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

**\* Pihak Universiti berhak mengadakan rundingan dengan kesemua atau mana-mana petender yang dipilih dan berhak menerima kesemua atau sebahagian dari tawaran tender tersebut dan tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau mana-mana tender.**